



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SATU KAJIAN KES TENTANG MASALAH REMAJA SEKOLAH DAN  
KAITANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

**NOOR ADIAH BINTI MOHAMED NOOR**

**FPP 1998 61**

**SATU KAJIAN KES TENTANG MASALAH REMAJA SEKOLAH DAN  
KAITANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

**Oleh:**

**NOOR ADIAH BINTI MOHAMED NOOR**

**Kertas projek penyelidikan yang dikemukakan sebagai memenuhi syarat keperluan  
Ijazah Master Sains Psikologi Pendidikan  
di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia**

**September 1998**



## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah syukur kehadrat-Nya kerana dengan izin dan petunjuk-Nya dapat penyelidik menyiapkan kertas projek ini.

Penyelidik berasa terhutang budi kepada semua yang terlibat dalam penyediaan projek ini. Pertama sekali penyelidik ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia projek, Profesor Madya Dr. Rahil bt. Hj. Mahyuddin kerana memberi bimbingan dengan sabar dan penuh dedikasi, serta memberi komen-komen dan cadangan-cadangan yang tidak ternilai pada setiap peringkat penyediaan projek ini.

Kedua, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Sidek Mohd Noah dan Dr. Shamsuddin Hussin kerana telah menjalankan proses penterjemahan dan menentukan nilai kebolehpercayaan dan kesahan alat ukuran Senarai Semak Masalah Mooney yang digunakan dalam penyelidikan ini.

Ketiga penyelidik ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Othman bin Dato' Hj. Mohamad selaku Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah yang banyak memberi kerjasama terhadap segala urusan yang berkaitan dengan kajian ini.

Keempat, penghargaan juga ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menawarkan biasiswa bagi menaja pengajian penyelidik, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Pendidikan Daerah Gombak, dan Sekolah Menengah Taman Selayang (1) atas kerjasama yang diberikan kepada penyelidik. Demikian juga kepada semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah mendidik dan mencerahkan ilmu sepanjang penyelidik menuntut di Universiti Putra Malaysia.

Akhir sekali penghargaan ditujukan khas kepada suami tercinta, Zainal Hashim, anak-anak tersayang Nurul Nadhira, Fatin Faiqah dan Aiman Arief serta ayah dan ibu yang dikasihi Mohamed Noor Harun dan Safiah Othman kerana doa dan pengorbanan mereka untuk menjayakan projek ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, khasnya Nor, Ana dan Kaila, terima kasih atas sokongan dan nasihat kalian. Semoga segala usaha kita diberkati oleh Allah S.W.T. selalu.

## DAFTAR KANDUNGAN

|   | Halaman |
|---|---------|
| <b>PENGHARGAAN</b> .....                              | ii      |
| <b>SENARAI JADUAL</b> .....                           | vii     |
| <b>ABSTRAK</b> .....                                  | ix      |
| <b>ABSTRACT</b> .....                                 | xi      |
| <b>BAB</b>  |         |
| <b>1 PENGENALAN</b>                                   |         |
| Latar Belakang Kajian.....                            | 1       |
| Remaja: Satu Pengertian.....                          | 4       |
| Pernyataan Masalah.....                               | 7       |
| Objektif Kajian.....                                  | 8       |
| Soalan Kajian.....                                    | 9       |
| Kepentingan Kajian.....                               | 10      |
| Batasan Kajian.....                                   | 11      |
| Definisi Operasional.....                             | 12      |
| Remaja Sekolah.....                                   | 12      |
| Masalah Remaja.....                                   | 13      |
| Pencapaian Akademik.....                              | 14      |
| Status Sosio-ekonomi.....                             | 15      |
| Rujukan Pembimbing.....                               | 16      |
| <b>2 SOROTAN LITERATUR</b>                            |         |
| Pendahuluan.....                                      | 18      |
| Latar Belakang Teoritikal.....                        | 20      |
| Masalah-masalah Remaja.....                           | 21      |
| Masalah Dan Kaitannya Dengan Pencapaian Akademik..... | 34      |
| Pola Rujukan Pembimbing.....                          | 38      |
| Kesimpulan.....                                       | 42      |

### **3 METODOLOGI**

|                                    |    |
|------------------------------------|----|
| Pendahuluan.....                   | 44 |
| Rekabentuk Kajian.....             | 44 |
| Alat Kajian.....                   | 45 |
| Kajian Rintis.....                 | 47 |
| Subjek Kajian.....                 | 48 |
| Tata Cara Kajian.....              | 50 |
| Penganalisisan Data Statistik..... | 51 |

### **4 DAPATAN KAJIAN**

|  |    |
|--|----|
| Pendahuluan.....   | 52 |
| Masalah Tahap I dan Masalah Tahap II yang Dihadapi oleh<br>Pelajar Remaja Secara Keseluruhan.....          | 53 |
| Perbezaan Masalah Tahap I bagi Setiap Kategori Masalah<br>Berdasarkan Jantina.....                         | 69 |
| Perbezaan Masalah Tahap I bagi Setiap Kategori Masalah<br>Berdasarkan Bangsa dan Status Sosio-Ekonomi..... | 71 |
| Perbezaan Masalah Tahap I Berdasarkan Bangsa.....  | 71 |
| Perbezaan Masalah Tahap I Berdasarkan Status<br>Sosio-Ekonomi.....   | 76 |
| Perkaitan Antara Masalah yang Dihadapi dengan Pencapaian<br>Akademik.....                                  | 80 |
| Pola Rujukan Pembimbing.....   | 82 |

### **5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

|  |    |
|--|----|
| Pendahuluan.....   | 84 |
| Rumusan.....   | 84 |
| Perbincangan.....  | 88 |
| Perbezaan Masalah Berdasarkan Jantina.....                 | 89 |
| Perbezaan Masalah Berdasarkan Bangsa.....                  | 90 |
| Perbezaan Masalah Berdasarkan Status<br>Sosio-Ekonomi..... | 90 |

|  |            |
|--|------------|
| Perkaitan antara Masalah yang Dihadapi dengan Pencapaian Akademik..... | 91         |
| Pola Rujukan Pembimbing.....   | 93         |
| Cadangan.....  | 94         |
| Cadangan untuk Program Pendidikan.....                                 | 94         |
| Cadangan untuk Kajian Lanjutan.....                                    | 96         |
| <b>BIBLIOGRAFI.....</b>  | <b>98</b>  |
| <br>   |            |
| <b>LAMPIRAN</b>  |            |
| Lampiran A.....  | 105        |
| Lampiran B.....  | 115        |
| Lampiran C.....  | 117        |
| Lampiran D.....  | 118        |
| Lampiran E.....  | 119        |
| <b>BIOGRAFI PENYELIDIK.....</b>  | <b>120</b> |
| <b>PENGAKUAN.....</b>  | <b>121</b> |
| <b>PENGESAHAN PENYELIA PROJEK.....</b>                                 | <b>122</b> |

## **SENARAI JADUAL**

| <b>Jadual</b> |   | <b>Halaman</b> |
|---------------|---|----------------|
| 1             | Kategori masalah dan susunan item dalam MPCL.....   | 45             |
| 2             | Pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach berdasarkan faktor yang terkandung dalam alat ukuran MPCL..... | 47             |
| 3             | Bilangan dan peratusan pelajar berdasarkan jantina.....   | 49             |
| 4             | Bilangan dan peratusan pelajar berdasarkan bangsa.....  | 49             |
| 5             | Bilangan dan peratusan pelajar berdasarkan status sosio-ekonomi.....                                  | 49             |
| 6             | Bilangan dan peratusan pelajar berdasarkan pencapaian akademik.....                                   | 49             |
| 7             | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah kesihatan dan fizikal.....                     | 54             |
| 8             | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah kewangan dan kehidupan.....                    | 55             |
| 9             | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah sosial dan hiburan.....                        | 56             |
| 10            | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah perkahwinan dan seks.....                      | 57             |
| 11            | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah perhubungan sosial psikologikal.....           | 59             |
| 12            | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah psikologikal.....                              | 60             |
| 13            | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah moral dan agama.....                           | 61             |

|    |   |    |
|----|---|----|
| 14 | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah keluarga dan rumah tangga.....   | 62 |
| 15 | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah penyesuaian kerja.....   | 63 |
| 16 | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah akademik dan kerjaya.....  | 65 |
| 17 | Bilangan dan peratusan pelajar yang menghadapi masalah kurikulum dan kaedah pengajaran.....                                     | 67 |
| 18 | Kategori masalah Tahap I berdasarkan pangkatan.....   | 68 |
| 19 | Ujian-t untuk menguji perbezaan masalah Tahap I berdasarkan jantina.....  | 70 |
| 20 | Ujian ANOVA untuk menguji perbezaan masalah Tahap I berdasarkan bangsa.....   | 72 |
| 21 | Ujian <i>Post Hoc Multiple Comparison LSD</i> untuk menguji perbezaan min yang signifikan berdasarkan bangsa.....               | 74 |
| 22 | Ujian ANOVA untuk menguji perbezaan masalah Tahap I berdasarkan status sosio-ekonomi.....                                       | 76 |
| 23 | Ujian <i>Post Hoc Multiple Comparison LSD</i> untuk menguji perbezaan min yang signifikan berdasarkan status sosio-ekonomi..... | 78 |
| 24 | Ujian korelasi Pearson untuk melihat perkaitan antara masalah yang dihadapi dengan pencapaian akademik.....                     | 81 |
| 25 | Bilangan dan peratusan pelajar berdasarkan rujukan pembimbing.....  | 83 |

## **ABSTRAK**

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains.

### **SATU KAJIAN KES TENTANG MASALAH REMAJA SEKOLAH DAN KAITANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

**Oleh:**

**NOOR ADIAH BINTI MOHAMED NOOR**

**SEPTEMBER 1998**

Penyelia: Profesor Madya Dr. Rahil Hj. Mahyuddin

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini cuba meninjau masalah-masalah yang dihadapi oleh para remaja sekolah dan kaitannya dengan pencapaian akademik. Kajian ini juga cuba memastikan sama ada terdapat perbezaan masalah yang dihadapi berdasarkan jantina, bangsa dan status sosio-ekonomi. Kajian ini juga cuba mengenalpasti pola rujukan pembimbing kalangan remaja apabila mereka menghadapi masalah.

Penyelidikan ini merupakan kajian kes terhadap 230 orang pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Taman Selayang (1), Batu Caves, Selangor.

Data dikumpulkan melalui soal selidik latar belakang pelajar, soal selidik pola rujukan pembimbing dan Senarai Semak Masalah Mooney. Kaedah statistik yang digunakan dalam analisis data ialah analisis frekuansi, min dan peratusan, ujian-t, ujian ANOVA, Ujian *Post Hoc Multiple Comparison LSD*, dan ujian korelasi Pearson. Untuk semua ujian statistik, nilai alpha yang digunakan ialah .05.

Hasil kajian mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh para pelajar remaja ialah masalah akademik dan kerjaya. Analisis ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan masalah yang dihadapi berdasarkan jantina. Analisis ujian ANOVA menunjukkan bahawa, pada keseluruhannya terdapat perbezaan yang signifikan masalah yang dihadapi berdasarkan bangsa dan status sosio-ekonomi. Analisis ujian *Post Hoc Multiple Comparison LSD* menjelaskan bahawa perbezaan min yang signifikan lebih ketara antara pelajar Melayu dengan pelajar Cina, pelajar Melayu dengan pelajar India dan pelajar status sosio-ekonomi tinggi dengan pelajar status sosio-ekonomi rendah. Analisis ujian korelasi Pearson menjelaskan pada keseluruhannya terdapat hubungan yang sederhana antara masalah yang dihadapi dengan pencapaian akademik. Akhir sekali hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa rakan merupakan pembimbing utama bagi pelajar remaja apabila mereka menghadapi masalah.

## **ABSTRACT**

Abstract of project submitted to the Faculty of Educational studies, of Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science.

### **A CASE STUDY OF PROBLEMS FACED BY ADOLESCENT STUDENTS IN RELATION TO THEIR ACADEMIC ACHIEVEMENT**

By:

**NOOR ADIAH BINTI MOHAMED NOOR**

**SEPTEMBER 1998**

Supervisor : Profesor Madya Dr. Rahil Hj. Mahyuddin

Faculty : Educational Studies

This research is conducted to examine problems faced by adolescent students in relation to their academic achievement. Also, the research determines whether there are differences between gender, races and socio-economic status on this issue. The finding is also to identify the adolescent support references when faced with problems.

This research is a case study of 230 students from four of Sekolah Menengah Taman Selayang 1, Batu Caves, Selangor. Data was collected based on questionnaires on students, background and support references, and also from the Mooney Problem Checklist. The statistical methods used are frequency analysis,

means and percentages, t-test, ANOVA test, Post Hoc Multiple Comparison LSD test, and the Pearson Correlation test. An alpha value of .05 is used for all statistical tests. The outcome of the finding shows that the main problems faced by adolescents are academic and career problems. The t-test analysis shows significant difference in problems faced by both sexes. The ANOVA test analysis shows an overall significant of problems occur based on different races and socio-economic status. Post Hoc Multiple Comparison LSD test analysis shows a significant mean difference between Malay and Chinese students, between Malay and Indian students, and between high and low socio-economic status students. The Pearson Correlation test analysis shows minimal effect between problems faced by students and their academic achievements. In conclusion, it is also show that peer support seems to be the main choice for adolescents who are facing with problems.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **Latar Belakang Kajian**

Remaja merupakan komponen penduduk yang penting dalam sesebuah negara. Jumlahnya sangat besar. Bilangan golongan remaja adalah empat setengah juta atau 20 peratus daripada jumlah penduduk negara ini. Jumlah dan peratusan ini tidak pula termasuk jumlah 25 peratus mereka yang akan memasuki alam remaja (Laporan Perangkaan Malaysia, 1997). Remaja juga merupakan pelapis yang akan menggantikan orang dewasa dalam mengekalkan budaya sesuatu bangsa. Mereka akan menjadi tenaga penggerak dalam politik, ekonomi, dan sosial. Sebahagian daripada mereka akan menjadi pemimpin dalam bidang di atas, manakala sebahagian yang lain akan menjadi tenaga pekerja yang penting. Oleh sebab kepentingan ini mereka tidak boleh diketepikan dan dipinggirkan. Sebaliknya, mereka perlu dipimpin, diasuh dan diberi tanggungjawab. Jika ada yang ‘sakit’, mereka perlu disembuhkan; mereka tidak boleh sekali-kali dibiarkan hidup tanpa pedoman. Keluarga, ahli masyarakat, dan negara harus

menerima hakikat bahawa remaja mampu memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan. Memang benar remaja dikaitkan dengan pelbagai kerentan dan masalah, tetapi perkara ini adalah sesuatu yang biasa dalam perkembangan mereka. Inilah masanya mereka mencari identiti dan belajar berdikari (Lefrancois, 1993). Pada ketika inilah orang dewasa tampil memberikan bantuan; jika kebaikan dibuat, pujian dan dorongan diberikan, dan jika keburukan dilakukan, nasihat dan tunjuk ajar disampaikan. Mereka tidak seharusnya dinilai dengan segala yang negatif. Pada diri remaja itu terdapat banyak aspek yang positif.

Sebenarnya terdapat dua golongan masyarakat yang bertentangan pendapat tentang remaja hari ini. Satu golongan memuji mereka ini sebagai manusia yang sangat istimewa, bijak, baik, dan bertanggungjawab; mereka berani, lebih terbuka, lebih peka terhadap keadaan sekeliling dan keadaan dunia sejagat; mereka juga lebih seimbang rohani dan jasmani. Ini dapat dibuktikan dengan jumlah remaja yang berjaya dalam pelajaran sehingga sebahagian besar daripada mereka dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Ibrahim, 1997)

Satu golongan masyarakat pula melihat remaja sebagai orang yang tidak boleh dipercayai; mereka suka memberontak, tidak sedar diri, tidak bersyukur, biadab, tidak bertanggungjawab, malas dan jahat. Pandangan ini timbul akibat

daripada kejadian yang tidak sihat yang berlaku dengan berleluasa dalam masyarakat seperti penyalahgunaan dadah, Aids, zina, lepak, membuang bayi haram dan sebagainya (Ibrahim, 1997). Pandangan negatif ini ada sebabnya. Selain daripada bukti nyata dan publisiti buruk, terdapat faktor tersembunyi. Dari segi psikologi, remaja membangkitkan rasa takut, cemburu, marah, sedih dan sebagainya di kalangan orang dewasa yang pernah mengalami kepahitan seperti itu pada zaman silam terutamanya kegagalan yang ditempuhi (Balk, 1995). Satu sebab lagi ialah remaja dianggap mengancam ego dan status orang dewasa. Mereka tidak boleh menerima keadaan yang ada pada orang muda yang dikatakan lebih bijak dan lebih baik; mereka tidak senang kalau kedudukan mereka dicabar. Sebab yang lain pula ialah orang dewasa takut kehilangan kuasa kawalan terhadap remaja; jika tidak dikawal, sesuatu yang buruk akan berlaku (Steinberg, 1993).

Kedua-dua pandangan di atas ada kebenarannya. Remaja seperti orang dewasa, ada yang baik dan ada yang tidak baik. Remaja tidak boleh dilonggokkan ke dalam satu kumpulan yang tertentu dan dilebelkan dengan perkara yang tertentu. Pada hakikatnya mereka berbeza dan perbezaan ini perlu diterima.

Oleh yang demikian, setiap orang yang ingin berdepan atau membicarakan hal-hal remaja perlulah terlebih dahulu memahami mereka

dengan jelas dari semua aspek; fizikal, intelek, rohani, emosi, budaya, masalah dan sebagainya.

### **Remaja : Satu Pengertian**

Remaja boleh diberi pelbagai pengertian apabila dilihat daripada sudut yang berlainan. Ada orang yang mengaitkannya dengan konsep-konsep kematangan, baligh, dan juvana. Ada pula yang melihatnya dari sudut biologi, psikologi dan sosiologi. Orang awam memahaminya dengan pegertian biasa melalui pemerhatian, manakala pakar-pakar membuat kesimpulan tentang mereka melalui kajian. Pada fahaman umum, remaja ialah anak muda yang beransur-ansur berkembang menjadi orang dewasa, yang mulai matang atau pandai berfikir sendiri dalam membezakan antara yang baik dan yang buruk, yang betul atau yang salah. Remaja juga selalunya dihubungkan dengan ‘akil-baligh’ iaitu sudah cukup umur untuk berkahwin apabila timbul rasa cinta (Marshall & Tanner, 1974; Logan, 1980; dan Malina, 1990). Pada masa akhir-akhir ini pula, remaja sering dikaitkan dengan konsep juvana (juvenile) yang bererti anak muda. Mengikut Newman & Newman, (1991) jika dilihat daripada konsep ini remaja bukan lagi kanak-kanak tetapi pada masa yang sama bukan pula dewasa. Dalam erti kata lain remaja ialah mereka yang sedang mengalami proses pemantapan fizikal, intelek, rohani, dan emosi. Umur mereka adalah di sekitar 11 hingga 22 tahun (Weiten & Lloyd, 1994).

Dilihat dari sudut biologi, masa remaja merupakan masa kematangan seorang kanak-kanak dari segi fizikal dan seksual iaitu pertumbuhan dan perubahan penting yang berlaku dalam diri mereka. Pada masa ini segala anggota fizikal mereka, sama ada luaran atau dalaman, semuanya membesar dan semakin berfungsi. Saiznya berubah; tubuh semakin tinggi, besar dan berat. Pada masa yang sama proses kematangan seks berlaku; alat kelamin yang utama menjadi semakin matang dan semakin berfungsi. Kematangan seksual ini tidak terhad kepada pembesaran alat pembiakan semata-mata, tetapi juga perubahan sifat-sifat seksual yang lain seperti raut wajah, bentuk badan, kekuatan tenaga dan lain-lain (Steinberg, 1993)

Pada pandangan ahli psikologi, remaja dilihat dari sudut rohani atau kejiwaan, khususnya perlakuan yang timbul akibat pergolakan perasaan. Mengikut Hall, (1926), zaman remaja dikenali sebagai zaman ‘gelora’ dan ‘stres’ dan pada masa ini juga mereka mengalami krisis jatidiri (Erikson, 1968). Oleh sebab itu, dari segi psikologi, remaja adalah masa apabila perasaan kejantinaan dan perasaan bimbang dan ragu wujud pada diri seseorang dalam proses menuju kematangan dan kedewasaan (Seifert, Hoffnung & Hoffnung 1997). Perasaannya ketika itu sangat sensitif, sering berubah-ubah; dia boleh menjadi lekas marah, mudah menangis, cepat muram atau terlalu gembira. Pada masa yang sama dia cuba mendapat kebebasan emosi daripada ibu bapa, mencari rakan sebaya dari kalangan yang berlainan jantina, dan mencari seseorang untuk disayangi sebagai memenuhi keperluan emosi (Mohd Yunus,

1989). Dalam erti kata lain, zaman remaja ini dipenuhi dengan konflik dalam diri, ketidakseimbangan perasaan dan pelakuan yang tidak menentu, membuatkan seorang remaja merasakan dirinya lah yang terpenting. Semua ini mempengaruhi perlakuannya.

Dalam memahami remaja, ahli sosiologi tidak memberi penekanan kepada perkembangan fizikal, rohani atau emosi, tetapi memberi tumpuan yang lebih kepada perilaku yang muncul akibat pengaruh persekitaran sosial di mana remaja itu berada (Ibrahim, 1997). Ia melihat remaja sebagai manusia yang sedang menuju kematangan hasil daripada proses sosialisasi, iaitu remaja belajar membiasakan diri dengan cara, idea, kepercayaan, nilai dan norma kebudayaan masyarakat untuk menjadi sebahagian daripada personalitinya.

Sebagai kesimpulannya, era remaja merupakan satu era yang amat kompleks. Pelbagai jenis masalah seperti perubahan pada diri, perubahan mental, percubaan-percubaan dalam hidup dan pelbagai bentuk lagi berlaku pada masa ini. Masalah-masalah ini pula terdiri daripada masalah biasa, sering dihadapi dan mudah untuk diselesaikan. Ada juga masalah-masalah lebih berat yang akan memberi lebih tekanan kepada mereka. Masalah-masalah berat ini sukar untuk diatasi dan dalam situasi beginilah mereka memerlukan bantuan daripada golongan profesional seperti kaunselor (Mooney, 1950). Masa remaja ini sering dikatakan sebagai satu zaman yang banyak sekali menimbulkan tekanan jiwa pada individu, tetapi pada masa ini juga dilihat sebagai satu zaman

kegemilangan perkembangan. Ini adalah kerana banyak remaja tidak menunjukkan masalah yang dihadapi dan sebaliknya sentiasa riang dan gembira pada waktu ini. Kajian ini melihat remaja daripada teori yang dikemukakan oleh Hall, (1904) yang menyatakan bahawa zaman remaja merupakan zaman ‘gelora’ dan ‘stres’.

### **Pernyataan Masalah**

Pelajar di sekolah menengah terdiri daripada golongan remaja yang sering menghadapi berbagai-bagai masalah ketegangan dalam diri mereka (Cox, 1980). Zaman peralihan antara alam kanak-kanak ke alam kedewasaan merupakan satu zaman yang penuh dengan ‘gelora’ dan ‘stres’ (Hall, 1904) dan mungkin mengalami berbagai-bagai masalah yang lain. Di samping itu remaja bermasalah selalu ketinggalan dalam bidang akademik. Mereka dikatakan hilang minat dan tidak bermotivasi untuk belajar; mereka cepat jemu dan bosan dengan sekolah lalu suka ponteng. Lantaran itu mereka sangat mudah dipengaruhi dan ditarik oleh gejala dan ajakan buruk dari luar untuk menjadi remaja nakal (Maguire, 1994).

Remaja sekolah yang menghadapi tekanan dan pelbagai jenis masalah, tidak tahu cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah mereka. Malah ada yang merujukkan masalah mereka kepada orang yang tidak pakar dalam hal tersebut seperti rakan sebaya. Akibat daripada ini akan timbul pula masalah-

masalah lain yang lebih serius, contohnya masalah kejatuhan moral dan salah laku di kalangan remaja. Hal ini terjadi mungkin kerana para remaja ini tidak mempunyai pengetahuan tentang peranan unit bimbingan dan kaunseling yang ditubuhkan di sekolah-sekolah.

Berhubung dengan pernyataan-pernyataan ini patutlah diadakan satu kajian penyelidikan untuk meninjau apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan remaja dan kaitannya dengan pencapaian akademik. Di samping itu pola rujukan pembimbing juga perlu ditinjau di kalangan remaja-remaja ini. Kajian serupa ini adalah penting. Jika seorang guru dapat mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajarnya, tentulah ia dapat memberi bimbingan atau panduan kepada mereka bagi membolehkan mereka menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti:

1. Masalah-masalah biasa (masalah Tahap I) dan masalah-masalah berat (masalah Tahap II) yang dihadapi oleh para remaja tingkatan empat di sekolah menengah.
2. Sama ada terdapat perbezaan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar remaja tingkatan empat sekolah menengah berdasarkan jantina, bangsa, dan status sosio-ekonomi.

3. Sama ada wujud perkaitan yang signifikan antara masalah-masalah yang dihadapi dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar remaja tingkatan empat sekolah menengah.
4. Pola rujukan pembimbing yang dipilih oleh pelajar remaja tingkatan empat sekolah menengah apabila mereka menghadapi masalah.

### **Soalan Kajian**

Lebih khusus lagi kajian ini bertujuan mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan berikut :

1. Apakah masalah-masalah biasa (masalah Tahap I) yang dihadapi oleh pelajar remaja tingkatan empat di sekolah menengah ?
2. Apakah masalah berat (masalah Tahap II) yang dihadapi oleh pelajar remaja tingkatan empat di sekolah menengah ?
3. Adakah terdapat perbezaan masalah yang dihadapi antara pelajar remaja lelaki dan perempuan ?
4. Adakah terdapat perbezaan masalah yang dihadapi antara pelajar Melayu, Cina, dan India ?
5. Adakah terdapat perbezaan masalah yang dihadapi antara pelajar remaja berstatus sosio-ekonomi tinggi, sederhana dan rendah ?
6. Adakah terdapat perkaitan antara masalah yang dihadapi dengan pencapaian akademik pelajar remaja tingkatan empat di sekolah menengah ?

7. Siapakah pembimbing yang dirujuk oleh pelajar remaja tingkatan empat sekolah menengah apabila menghadapi masalah ?

### **Kepentingan Kajian**

Semasa di sekolah pelajar-pelajar mengalami proses perkembangan dalam usaha untuk meningkatkan kebolehan dalam bidang intelektual, kemahiran-kemahiran fizikal serta perhubungan sosial dan interpersonal. Matlamat utama tiga bidang perkembangan ini adalah agar setiap individu berkebolehan, berkeyakinan tentang kemampuan diri dalam menghadapi cabaran yang datang dan untuk mencapai dengan cemerlang apa yang telah dicitakan (Mahmood Nazar, 1992). Walaupun begitu ada antara pelajar-pelajar ini menghadapi rintangan serta halangan dalam menuju kecemerlangan individu. Pelajar-pelajar ini sering menghadapi pelbagai masalah yang secara tidak langsung akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Berdasarkan hal ini, adalah diharapkan hasil kajian ini dapat membantu para guru, kaunselor dan juga ibu bapa memahami masalah-masalah para pelajar remaja dan seterusnya dapat memberi lebih tumpuan dan mengambil langkah-langkah untuk menanganinya. Menurut Horrock (1976), zaman remaja merupakan masa terakhir bagi seseorang individu itu mencapai pelarasan diri yang baik. Jika mereka tidak diberi tumpuan dan bantuan, akan ramai lagi remaja yang mengalami salah-suai diri seperti mempunyai kompleks rendah diri, bacul, tidak berinisiatif, mudah tersinggung, cemburu, berprasangka, dan pemarah .

Secara keseluruhannya kajian tentang remaja dianggap penting kerana kita akan lebih memahami kebimbangan, kehendak-kehendak, dan masalah-masalah mereka. Dengan itu kita akan mengetahui apa yang upaya dilakukan untuk membantu mereka menjadi orang yang sebaik mungkin (Muhd Mansur dan Siti Noordinar, 1988). Bantuan yang diberikan diharap dapat mencorak pembelajaran lebih bermakna kerana program bantuan dan bimbingan yang baik dapat membantu para pelajar berkenaan dalam merealisasikan matlamat menuju ke arah kecemerlangan di bidang akademik dan kehidupan peribadi.

### **Batasan Kajian**

Tumpuan kajian hanyalah terbatas kepada masalah yang dihadapi oleh para pelajar remaja tingkatan empat Sekolah Menengah Taman Selayang (1), Batu Caves, Selangor. Sebagai hasil penyelidikan bercorak kajian kes, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar.

Tumpuan kajian juga hanyalah terbatas kepada masalah yang dihadapi berdasarkan jantina, bangsa, status sosio-ekonomi dan pencapaian akademik sahaja. Kajian juga hanya terbatas kepada perkaitan antara pencapaian akademik dengan masalah yang dihadapi tanpa meninjau faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Alat pengukuran dalam kajian ini hanyalah terbatas kepada Senarai Semak Masalah Mooney dan soal selidik latar belakang pelajar sahaja.

### **Definisi Operasional**

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini yang perlu dijelaskan.

#### **Remaja Sekolah**

Remaja sekolah adalah sebahagian daripada remaja biasa. Dilihat dari konteks umum, mereka tidak berbeza daripada remaja yang lain. Tetapi oleh sebab terdapat beberapa ciri dan keadaan yang berbeza, mereka ini diberi sedikit pengertian yang berbeza supaya perhatian dan tindakan terhadap mereka dibuat secara berbeza pula. Dalam erti kata lain, remaja sekolah itu berbeza daripada remaja umum, khususnya dalam beberapa aspek tertentu :

1. Remaja sekolah mempunyai kebebasan yang terkawal. Mereka terpaksa patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditentukan, umpamanya dalam tatacara berkelakuan dan berpakaian; larangan dan tegahan banyak dikenakan.
2. Remaja sekolah mempunyai tugas yang telah ditetapkan, iaitu belajar. Tugas ini mesti dilakukan sama ada secara sukarela atau terpaksa.
3. Kegiatan remaja sekolah banyak dipandu.